

mandakan usaha pastikan mereka keluar mengundi BN

'pengundi senyap'

PM: Lipat g

Pujuk

UM 23 NOV 1999

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 22 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) melipatgandakan usaha memastikan kumpulan 'pengundi senyap' (*silent majority*) yang menyokong BN keluar mengundi pada 29 November ini.

Perdana Menteri menegaskan, beliau terpaksa memberi ingatan ini kerana BN tidak mahu majoriti pengundi yang hanya menyokong gabungan itu secara diam-diam tetapi tidak keluar mengundi.

"Kita dapat majoriti besar dahulu (pilihan raya umum 1995) kerana sebahagian sahaja yang keluar mengundi.

"Justeru saudara-saudari bertangjawab 'mengeluarkan' mereka, kenal pasti pengundi masing-masing, tempat tinggal dan pastikan peti undi mana dan kenderaan apa (pergi ke pusat pembuangan undi) untuk mereka.

"Undi *silent majority* menentukan kemenangan besar BN pada pilihan raya umum ini," kata Pengerusi BN itu ketika berucap pada pertemuan dengan petugas jentera pilihan raya BN Wilayah Persekutuan di Kompleks Sukan Bangsar, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Pilihan Raya BN, Tan Sri Khalil Yaakob, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan calon-calon BN Wilayah Persekutuan.

Sokongan

Perdana Menteri membangkitkan peranan pengundi senyap ini apabila beliau mendapati wujud kesanggupan kumpulan tertentu yang tidak aktif dalam politik, muncul memberi sokongan kepada kerajaan kali ini.

"Apa yang saya lihat kali ini tidak pernah kelihatan sebelumnya," kata beliau.

SAMBUNGAN

Pujuk pengundi senyap

mereka banyak terhutang budi kepada kerajaan Perikatan.

"Mereka sedar walaupun menjadi veteran tentera, nasib mereka terus terbela, mendapat peluang berniaga dan diberi layanan oleh kerajaan BN," kata beliau.

Perdana Menteri turut mengingatkan anggota BN supaya memberi sokongan kepada calon parti itu tanpa mengira keturunan calon.

Penting

"Di kawasan yang ditandingi oleh calon UMNO, undi BN mungkin terbahagi dua kerana kawasan itu disaingi calon Parti Keadilan. Dengan itu, undi orang Cina dan India amat penting sekali dan mereka mesti sokong 100 peratus calon UMNO.

"Di tempat-tempat lain

yang ditandingi oleh calon MCA, MIC dan Gerakan, orang UMNO mesti kerah orang Melayu untuk sokong calon berkenaan," katanya.

Berucap di hadapan hadirin yang turut terdiri daripada elit Cina di Bangsar, Dr. Mahathir turut menjelaskan sebab beliau terpaksa membangkitkan peristiwa rusuhan kaum 1969 walaupun didakwa oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, sebagai "kempen BN menakut-nakutkan kaum Cina."

"Bukan takut-takutkan rakyat tetapi kalau lupa sejarah keburukan masa itu, mungkin kita akan mengulanginya semula.

"Kerajaan belajar daripada peristiwa itu untuk tentukan negara terus aman dengan mempereratkan perpaduan kaum," katanya.